



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 6486  
E-mel : ukk@kpdn.gov.my

## MALAYSIA-WIPO PERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK HARTA INTELEK MELALUI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) terus memperkuuh kerjasama strategik bersama Pertubuhan Harta Intelek Sedunia (WIPO) yang berpangkalan di Geneva, Switzerland. Kerjasama strategik melalui Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang harta intelek dan inovasi kali ini memberi penekanan kepada pemajuan sistem paten negara.

MoU ini adalah sebahagian daripada pendekatan untuk memastikan ekosistem harta intelek dan inovasi Malaysia terus berkembang serta berdaya saing di peringkat global. Melalui MoU ini, MyIPO dan WIPO akan meningkatkan kerjasama serta pertukaran pengetahuan antaranya dalam perkara-perkara berikut:-

- i. Memperluas latihan dan pembangunan kapasiti;
- ii. Mengukuhkan penguatkuasaan hak harta intelek; dan
- iii. Menyediakan sokongan serta bantuan teknikal.

Majlis menandatangani MoU antara MyIPO dan WIPO berlangsung semasa sesi kunjungan hormat oleh Encik Daren Tang Heng Shim, Ketua Pengarah WIPO dalam rangka lawatan kerja beliau ke Malaysia dari 22 hingga 24 September 2025.

Dalam pertemuan ini, WIPO turut menyatakan komitmen untuk melantik seorang pegawai MyIPO sebagai Felo Pelawat ASEAN di WIPO (IP dan ekonomi). Pelantikan ini akan menyumbang kepada penyelidikan berasaskan data mengenai ekosistem inovasi dan menilai kesan dasar terhadap aktiviti inovatif sekali gus memperkuuh kepakaran serantau dalam bidang ekonomi inovasi dan harta intelek.

Pada masa yang sama, WIPO turut mempelawa pegawai paten, profesional paten dan agensi kerajaan yang berminat bagi meningkatkan kemahiran penggubalan paten mengikut piawaian antarabangsa untuk mengikuti program latihan praktikal WIPO *International Patent Drafting Training Program*.

Ini termasuk *Inventor Assistance Program* (IAP) yang membuka peluang kepada pencipta individu dan perusahaan kecil mendapatkan bimbingan profesional secara *pro bono* sepanjang proses permohonan paten. Inisiatif ini memberi manfaat kepada ahli profesional paten dengan meningkatkan kemahiran penggubalan paten dan memperkuuh reputasi perkhidmatan mereka, di samping membantu meningkatkan kualiti permohonan paten tempatan serta memperkuuh ekosistem inovasi negara.

Malaysia dan WIPO turut bersetuju meneroka pelbagai kerjasama strategik. Antara inisiatif ini adalah penglibatan dalam Projek Analitik Paten ASEAN yang menampilkan kejayaan inovasi tempatan seperti MyB Prosthetic Limb Technology di peringkat global. Malaysia juga akan memainkan peranan aktif dalam Projek ASEAN Lab2Market untuk menggerakkan komersialisasi inovasi universiti dan Projek Pembiayaan IP ASEAN yang membangunkan metodologi serta instrumen pembiayaan berasaskan harta intelek bersama institusi kewangan.

Kementerian percaya kerjasama strategik ini akan menjadi pemangkin penting dalam mengangkat Malaysia sebagai negara yang proaktif dalam pemerksaan harta intelek seiring aspirasi Malaysia MADANI untuk memacu ekonomi berdasarkan pengetahuan dan inovasi yang mampan.

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI**

Menteri Perdagangan Dalam Negeri  
dan Kos Sara Hidup

Petaling Jaya, Selangor  
23 September 2025

